



## FINAL EXAMINATION

### JULY 2022

COURSE TITLE

BAHASA KEBANGSAAN A

COURSE CODE

MPU3213

DATE/DAY

22 OCTOBER 2022 / SATURDAY

TIME/DURATION

01:00 PM - 03:00 PM / 02 Hour(s) 00 Minute(s)

#### INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of 10 Printed Pages including front page)

\*\*\*DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL YOU ARE TOLD TO DO SO\*\*\*

Kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) bahagian. Anda dikehendaki untuk menjawab SEMUA soalan di bahagian A, empat (4) soalan di bahagian B dan satu (1) soalan di bahagian C. Jawapan perlu ditulis dalam kertas OMR bagi soalan bahagian A. Jawapan untuk bahagian B dan C pula perlu ditulis kertas jawapan yang disediakan. (50 MARKAH)

**BAHAGIAN A**

(20 Markah)

Bahagian ini mengandungi soalan aneka jawapan. Jawab SEMUA soalan yang dikemukakan dengan membulatkan jawapan dalam kertas OMR.

*Soalan 1 hingga 3 berdasarkan petikan teks di bawah.*

Konsep "ras" merujuk kepada ciri fizikal berbagai-bagai kumpulan manusia yang telah diturun-temurunkan dari segi baka. Perkataan "etnik" pula merujuk kepada perbezaan kebudayaan yang diperoleh kumpulan manusia itu. Dari segi konsep biologi, perkataan ras tidaklah begitu bermakna. Dalam dunia ini, jumlah manusia melebihi empat bilion. Mereka mempunyai berbagai-bagai aspek fizikal luaran. Walaupun mamalia yang diberi nama manusia ini dapat dikesan lebih daripada satu juta tahun yang lalu, namun perbezaan ras seperti yang kita lihat pada hari ini ialah perkara yang baharu dari segi evolusi biologi. Perbezaan fizikal ini telah berlaku kerana kumpulan manusia perlu mengubahsuaikan diri mereka dari segi fizikal untuk hidup dalam persekitarannya. Perbezaan evolusi ini hanya melibatkan ciri fizikal sahaja. Tiada tanda yang nyata untuk membuktikan bahawa kumpulan yang berbeza ini mempunyai ciri psikologi, seperti kecerdasan akal dan kebolehan sains, seni atau matematik, akibat baka. Perbezaan fizikal antara kumpulan manusia ialah hakikat biologi. Jika manusia percaya bahawa sesuatu kumpulan itu membentuk suatu unit biologi, mereka akan bertindak berdasarkan kepercayaan itu. Anggota-anggota kumpulan itu akan membentuk suatu kesetiaan bersama dan akan berkahwin dengan anggota yang lain daripada kumpulan yang sama. Seterusnya, anggota daripada kumpulan yang lain akan menganggap mereka sebagai berlainan. Dari sudut pandangan sosiologi, suatu ras itu ialah sebahagian orang yang banyak yang telah lama berkahwin antara satu dengan yang lain kerana sebab-sebab geografi atau sosial.

1. Apakah perbezaan antara konsep "ras" dengan konsep "etnik"?
  - A Ras menentukan asal manusia manakala etnik merujuk kepada amalan manusia
  - B Ras menerangkan warna kulit dan rambut manusia manakala etnik merujuk kepada keturunan manusia.
  - C Ras dan etnik tiada perbezaannya kerana kedua-duanya termasuk dalam klasifikasi antropologi tentang spesies manusia.
  - D Ras lebih bersifat saintifik kerana merujuk kepada warna kulit dan rambut manusia manakala etnik menerangkan ciri bahasa, agama, dan amalan manusia.

2. Perbezaan fizikal dalam spesies manusia merujuk kepada perbezaan \_\_\_\_\_.

- A ketulenan bangsa
- B kecerdasan mental
- C dari segi sejarah
- D dari segi bentuk rupa

3. Perkataan *evolusi* dalam petikan ini bermaksud \_\_\_\_\_.

- A perubahan tanpa restu
- B perubahan secara beransur-ansur
- C perubahan secara mendadak
- D perubahan dengan paksaan

Soalan 4 hingga 6 berdasarkan petikan di bawah.

Sebaik sahaja Cikgu Badliyah menamatkan pengajaran Matematik Tambahan pada jam dua petang, aku segera bergegas melangkah menuju ke garaj basikal yang terletak berhampiran dengan pintu pagar utama sekolah. Segala *hiruk-pikuk* yang berlaku di sepanjang perjalananku ke garaj itu langsung tidak kuendahkan. Niat di hatiku ingin segera pulang ke rumah yang terletak kira-kira tiga kilometer dari sekolahku.

Setiba di rumah, aku terus disapa oleh ayah yang sedang menyusun barang-barang dan peralatan di dalam van lamanya itu. "Wan cepat bersiap, hari ini kita akan bermiaga di Pulau Serai. Kalau lambat sampai nanti, *kelam-kabut* jadinya," ujar ayahku yang telah pun mencecah usia setengah abad itu. "Baiklah ayah. Wan nak mandi dan bersolat dulu," aku segera menuju ke bilikku yang terletak bersebelahan dengan dapur rumah itu.

"Syahrul mana mak? Wan tak nampak pun dia dari tadi," aku bertanyakan ibuku perihal adik lelakiku yang hanya muda tiga tahun daripadaku. Kebiasaananya dia terlebih dahulu sampai ke rumah. Kami memang belajar di sekolah yang sama tetapi berlainan waktu pulang. Hal ini kerana aku berada di tingkatan lima dan dikategorikan sebagai menengah atas manakala dia pula berada di tingkatan dua iaitu kategori menengah bawah.

"Syahrul pulang lewat hari ini. Dia ada kelas tambahan katanya tadi. Syahrul tak beritahu kamu ke?" jawab ibuku seraya kembali bertanya kepadaku. "Syahrul terlupa nak beritahu Wan agaknya. Habis itu adik-adik macam mana? Aku menyoal kembali ibuku yang sedang menyiapkan peralatan dan bahan makanan yang hendak dibawa nanti. Maisara dengan Syafiq tinggal di rumah Pak Ngah Dollah sekejap sementara menunggu Syahrul pulang nanti. Usahlah kamu risau. Pandailah mereka menjaga diri. Semuanya sudah besar panjang pun. Hah, kamu tu tercepat apa lagi? Cepatlah bersiap. Nanti bising pula ayah kamu tu," ibu menggesa aku agar segera bersiap setelah menjawab pertanyaanku terlebih dahulu.

Begitulah rutin harian yang terpaksa aku tempuh dalam menjalani kehidupan remajaku. Tamat sahaja sesi persekolahan, aku akan mengikut ayah dan ibuku ke beberapa destinasi yang telah ditetapkan untuk membantu mereka bermiaga di pasar malam. Sementara itu, adik lelakiku iaitu Syahrul yang belajar di tingkatan tiga akan menjaga dua

lagi adikku yang masih berada di sekolah rendah iaitu Syafiq dan Maisarah di rumah. Sememangnya, aku langsung tidak mempunyai masa dan peluang untuk bersama-sama rakan sebayaku. Aku hanya mampu mendengar mereka bercerita pertandingan bola sepak yang berlangsung di sekolah, rombongan mereka berkelah di hujung minggu dan pelbagai aktiviti menarik yang dilakukan. Bagaimanapun, aku tidak pernah menyesal dengan tanggungjawab yang mesti aku tunaikan sebagai anak. Tambahan pula, segala pengalaman yang aku lalui itu menjadikan diriku bertambah matang seiring perkembangan usiaku.

(Cerpen 'Mimpi yang Pasti' dipetik daripada [penulisan2u.blogspot.com](http://penulisan2u.blogspot.com) yang ditulis oleh Iskandar Mizhar)

4. Mengapa penulis tidak dapat meluangkan masa bersama dengan rakan sebayanya?
  - A Sibuk dengan urusan membantu keluarga
  - B Mementingkan pelajaran berbanding rakannya
  - C Menjaga adik-adiknya sementara ketiadaan ibu bapa di rumah
  - D Ibu bapa melarang penulis berkawan dengan mereka
  
5. Frasa *hiruk-pikuk* dan *kelam-kabut* dalam petikan ialah \_\_\_\_\_.
  - A kata ganda penuh
  - B kata ganda menyaling
  - C kata ganda berima
  - D kata ganda separa
  
6. Berdasarkan petikan, penulis merupakan seorang yang \_\_\_\_\_.
  - A terdesak
  - B matang
  - C mementingkan diri sendiri
  - D pemalas
  
7. Apakah tujuan sesuatu mesyuarat diadakan?
  - I Bertukar-tukar fikiran dan pendapat serta mendapatkan idea yang baru
  - II Memberi atau mendapatkan maklumat daripada pelbagai pihak
  - III Mencari penyelesaian kepada masalah-masalah bersama
  - IV Mencari persetujuan dan membuat keputusan atas sesuatu tindakan
  - A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

8. Antara pernyataan yang berikut, yang manakah bukan ciri-ciri pengucapan yang baik?

- A Menjaga ketrampilan dan kekemasan diri
- B Mengenal pasti sasaran atau khalayak
- C Menggunakan bahasa yang kompleks dan khusus untuk sesuatu bidang
- D Memastikan segala persediaan sebelum berucap dalam keadaan yang baik


9. Apakah fungsi taklimat?

- A Menyatakan objektif dan rancangan kepada pasukan atau kumpulan tertentu
- B Proses mengemukakan soalan dan proses memberikan jawapan
- C Perjumpaan formal yang melibatkan pakar-pakar bertauliah untuk memperkatakan tentang sesuatu topik
- D Menyampaikan mesej dan mengubah tanggapan pihak lawan

10. Ayat di bawah berpolakan \_\_\_\_\_.

Pihak polis menangkap penagih-penagih dadah itu.

- A FN+FN
- B FN+FK
- C FN+FA
- D FN+FSN



11. Padanan yang betul bagi P, Q dan R ialah \_\_\_\_\_.

	P	Q	R
A	Austroasia	Austronesia	Melanesia
B	Austris	Austronesia	Austroasia
C	Austronesia	Polynesia	Melanesia
D	Austris	Mikronesia	Austronesia

12. Penyataan di bawah ini merujuk kepada teks prosa yang mana?

- Penggunaan bahasa baku yang lebih konvensional dan kurang ciri-ciri humor
  - Ada ukuran kepanjangan yang tertentu
  - Padat, jelas dan jitu dengan maklumat untuk menarik minat khalayak
- A Rencana  
B Syarahan  
C Wawancara  
D Ceramah


13. Antara kata yang berikut, yang manakah mengandungi konsonan pinjaman?

- I Tamak  
II Khianat  
III Pagi  
IV Syarahan
- A I dan II  
B I dan III  
C II dan IV  
D III dan IV

14. Apakah jenis bunyi pada suku kata akhir bagi kata-kata yang berhuruf condong dalam ayat di bawah?

Sambil bersantai di tepi pantai mereka bergurau senda dan menikmati angin sepoi-sepoi bahasa.

- A Vokal  
B Rima  
C Konsonan  
D Diftong



15. Laras X merujuk kepada \_\_\_\_\_.

- A laras sains
- B laras bahasa biasa
- C laras sukan
- D laras media massa

Wanita yang ditemui itu berseluar biru, memakai kemeja berlengan panjang, berambut pendek, berkulit cerah, bertahi lalat di bawah bibir, memakai kasut hitam bertumit tinggi, memakai kaca mata hitam, dan beg tangan berjenama *Christine de Or*.

16. Petikan di atas menepati bentuk wacana jenis \_\_\_\_\_.

- A eksplanatori
- B deskriptif
- C argumentatif
- D naratif

17. Antara ayat yang berikut, yang manakah memaparkan kesantunan berbahasa?

- A "Saya membantah soalan itu, Yang Arif," kata peguambela kepada hakim.
- B "Maafkan aku puan kerana tidak datang ke kelas semalam," kata Ah Meng kepada pensyarahnya.
- C "Silalah naik ke teratak buruk ini," pelawa Mak Minah kepada pelawat itu.
- D "Terima kasihlah kerana menolong aku tadi," kata Samy.

18. Penggunaan bahasa Melayu dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi pada hari ini membuktikan bahawa bahasa Melayu dapat memenuhi fungsi sebagai

- A bahasa komunikasi
- B bahasa rasmi
- C bahasa moden
- D bahasa ilmu

19. Antara yang berikut, yang manakah ayat yang menepati pola FN+FK?

- I Abang Rahim tukang gunting yang terkenal sejak dahulu.
  - II Anak perempuan Pak Samad baru pulang dari luar negara.
  - III Ibu pejabat syarikat bapa saya di bandar raya Kuala Lumpur.
  - IV Bapa saudara Ramli sedang berehat di bawah pokok jambu.
- A I dan III
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D II dan IV

20. "...Liga Malaysia kali ini sekali lagi berpihak kepada pasukan Selangor. Pasukan Selangor berjaya menundukkan pasukan Kelantan 1-0 dan gol tersebut telah dijaringkan oleh Amri Yahya pada minit ke-36...", petikan ini memaparkan penggunaan laras bahasa

- A iklan
- B sukan
- C biasa
- D rencana

**BAHAGIAN B**

(20 Markah)

Soalan pada bahagian ini berbentuk esei pendek. Anda dikehendaki untuk menjawab **EMPAT (4) soalan sahaja daripada ENAM (6) soalan yang diberikan. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.**

1. Berdasarkan kajian, bahasa Melayu dipercayai berasal dari rumpun bahasa Austronesia.
  - a. Jelaskan keluasan rumpun Austronesia dan ciri-ciri manusianya. (2 markah)
  - b. Nyatakan DUA (2) abang keluarga bahasa Austronesia Timur. (2 markah)
  - c. Bahasa Melayu terletak dalam keluarga bahasa Nusantara. Apakah contoh bahasa lain yang terdapat keluarga bahasa Nusantara. (1 markah)

2. Prinsip sebutan bahasa Melayu ditandai dengan bunyi vokal, konsonan dan diftong.

- a. Berapakah bilangan vokal asli bahasa Melayu? (1 markah)
- b. Bagaimanakah proses pengujuran bunyi fonem vokal? (2 markah)
- c. Nyatakan DUA (2) contoh perkataan yang mengandungi vokal depan luas. (1 markah)
- d. Apakah fonem vokal belakang sempit? (1 markah)

3. Lengkapkan jadual di bawah. (5 markah)

No.	Unsur tatabahasa	Contoh kata/ayat
1.	Frasa nama+ frasa kerja	
2.	Kata majmuk telah mantap	
3.		lintang-pukang, hiruk-pikuk, gunung-ganang
4.		dan, atau, serta, tetapi, lalu
5.	Ayat pasif semu	

4. Taklimat merupakan pengucapan yang memerlukan kemahiran berkomunikasi yang tinggi. Lazimnya, taklimat digunakan untuk menyatakan objektif dan rancangan kepada sasaran yang tertentu.

- a. Berdasarkan pendapat anda, jelaskan persediaan yang perlu dilakukan sebelum mengadakan taklimat kepada sasaran anda. (3 markah)
  - b. Terangkan DUA (2) prinsip-prinsip taklimat yang perlu dipatuhi. (2 markah)
5. Bagaimanakah anda menjelaskan makna kata *kecil* yang digunakan dalam ayat-ayat yang berikut? (5 markah)
- a) Dia paling *kecil* dalam keluarganya.
  - b) Jalan *kecil* itu tidak boleh dilalui oleh kenderaan yang berat.
  - c) Koleksi barang peribadinya itu tidak muat untuk disimpan di dalam almari *kecil* itu.
  - d) Ada beberapa masalah kecil yang perlu diselesaikan sebelum pelan itu diluluskan.
  - e) Perkara-perkara *kecil* tidak dibincangkan dalam mesyuarat itu.

Lori yang sudah tua itu kedengaran mengaum terus. Badannya terhuyung-hayang mengikut rentak jalan raya kampungan. Tidak lama kemudian, lori itu berhenti di tebing sungai. Kedua-dua anak muda itu turun. Mereka berjalan ke hala seorang anak yang sedang menunggu di bawah lindungan bayangan sepohon kayu.

6. Laras bahasa sastera menggunakan bahasa yang direka sendiri mengikut pengalaman sendiri atau imaginasi.
- Jelaskan ciri-ciri laras bahasa sastera? (2 markah)
  - Daripada petikan di atas, jelaskan maksud personifikasi frasa *lori yang sudah tua*. (1 markah)
  - Adakah laras bahasa sastera sama dengan laras bahasa pengiklanan? Jelaskan jawapan anda. (2 markah)

### BAHAGIAN C

(10 Markah)

Anda dikehendaki untuk menulis sebuah esei dengan satu perenggan pendahuluan, dua perenggan isi penting dan huraian serta satu perenggan penutup. Panjang esei anda ialah tidak melebihi 250 patah perkataan. Tajuk esei adalah seperti yang berikut.

Sabtu tahun, kerajaan membelanjakan jutaan ringgit untuk menghantar pelajar-pelajar kita menuntut ilmu di luar negara. Namun begitu, sebahagian daripada mereka enggan kembali ke tanah air selepas menamatkan pengajian mereka. Pada pendapat anda, mengapakah hal ini terjadi? Huraikan punca-punca pelajar Malaysia lebih berminat bekerja di luar negara berbanding dalam negara.

\*\*\* KERTAS SOALAN TAMAT \*\*\*